

LAMPIRAN B

Tajuk Projek: iKurnia: Pendidikan Digital Autisme untuk Komuniti		
Jabatan/Agensi/Bahagian: Pusat PERMATA Kurnia, Bahagian PERMATA		
Kategori:	ICT	Non-ICT

SEKSYEN 1: PENGENALAN PROJEK

SINOPSIS PROJEK

Individu yang dikenal pasti mengalami autisme semakin bertambah dan membimbangkan. Justeru itu, wujudnya keperluan mendapatkan maklumat dan pendidikan mengenai autisme. iKurnia ialah pendidikan atas talian pertama mengenai autisme yang dibangunkan oleh PERMATA Kurnia. iKurnia dibangunkan bertujuan untuk menyediakan maklumat dan latihan mengenai autisme yang terkini, tepat dan berasaskan bukti (penyelidikan) kepada ibu bapa yang mempunyai anak autisme, guru, ahli terapi dan masyarakat secara amnya. iKurnia terdiri daripada iKurnia MOOC (kursus atas talian) dan iKurnia LIVE (e-bengkel). Pembangunan iKurnia merupakan kreativiti dan kepakaran oleh kakitangan PERMATA Kurnia secara dalaman. iKurnia menggunakan platform OpenLearning dan Youtube. Perkhidmatan iKurnia percuma dan boleh diakses 24 jam. Sehingga kini, iKurnia telah mempunyai 1260 peserta atas talian dan 10,385 tontonan untuk e-bengkel sejak dilancarkan pada 2016. Pelaksanaan iKurnia didapati memberi impak dalam perkhidmatan pendidikan autisme kepada komuniti. iKurnia telah membantu meningkatkan pengetahuan dan kemahiran khususnya ibubapa dan guru mengenai autisme.

Ahli Kumpulan

Nama Projek	iKurnia Asas Autisme
Ahli Kumpulan	<p>Dr Sazlina Binti Kamaralzaman (ketua)</p> <p>Kumpulan Kandungan</p> <ol style="list-style-type: none">1. Cik Nor Malissa Binti Mat Isa2. Cik Nur Adia Syafika Binti Mohd Noh3. Cik Nur Hazwani Binti Razali4. Cik Punita A/P Marapen5. Puan Ain Hazwani Binti Abu Kassim <p>Kumpulan Teknikal</p> <ol style="list-style-type: none">1. Encik Ahmad Firdaus bin Arbaen2. Encik Fathi Kamal bin Md Isa3. Encik Muhammad Hilmi Bin Mohd Yusoff4. Cik Sri Nursyafika binti Ahmad Damanhuri
Nama Projek	iKurnia Asas Intervensi
Ahli Kumpulan	<p>Dr Sazlina binti Kamaralzaman (ketua)</p> <p>Kumpulan Kandungan</p> <ol style="list-style-type: none">1. Cik Farhana Huda Binti Zainudin2. Cik Teo Ting Ting3. Puan Hany Naziha Binti Mohd Saibani4. Cik Nor Malissa Binti Mat Isa5. Cik Suraya Binti Shahuri6. Puan Nina Atiqah Binti Mat Supri7. Puan Ennie Yong8. Encik Jardian Tay Min Wei <p>Kumpulan Teknikal</p> <ol style="list-style-type: none">1. Encik Ahmad Firdaus Bin Arbaen2. Encik Muhammad Hilmi Bin Mohd Yusoff3. Cik Sri Nursyafika Binti Ahmad Damanhuri

Nama Projek	iKurnia LIVE (<i>live streaming</i>)
Ahli Kumpulan	Dr Sazlina binti Kamaralzaman (ketua) Kumpulan Teknikal 1. Encik Ahmad Firdaus Bin Arbaen 2. Encik Muhammad Hilmi Bin Mohd Yusoff 3. Cik Sri Nursyafika Binti Ahmad Damanhuri

SEKSYEN 2: BUTIRAN PROJEK

OBJEKTIF:

iKurnia dibangunkan bertujuan untuk:

- i. Memperkasakan ibu bapa melalui pendidikan atas talian dengan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran ibu bapa dalam mendidik dan menyokong anak mereka agar dapat mengenal pasti intervensi yang sesuai dengan perkembangan anak.
- ii. Menyediakan maklumat dan panduan kepada guru dan ahli terapi mengenai mengenai strategi-strategi berasaskan bukti dalam menjalankan intervensi dan mendidik kanak-kanak autisme.
- iii. Membantu ibu bapa kepada anak autisme yang tidak mendapat perkhidmatan intervensi awal di PERMATA Kurnia.
- iv. Meningkatkan kesedaran dengan berkongsi maklumat kepada orang ramai mengenai autisme dan cabaran yang dihadapi oleh individu yang mengalami autisme serta keluarga mereka.
- v. Mengatasi halangan pendidikan bersemuka dari segi masa, kos, dan geografi dengan memberikan pendidikan secara atas talian.
- vi. Menjadi model pendidikan atas talian dalam bidang pendidikan khas dan pendidikan kesihatan.

JUSTIFIKASI/RASIONAL PELAKSANAAN/PENGHASILAN PROJEK:

1. Menyelesaikan masalah dan memenuhi keperluan semasa

- i. Kajian lepas mendapati kurangnya pengetahuan dalam kalangan ibu bapa dan golongan professional mengenai autisme. Peningkatan individu yang mengalami autisme menyebabkan keperluan untuk mendapatkan pengetahuan mengenai autisme dalam kalangan ibu bapa, guru serta ahli terapi supaya dapat menyokong perkhidmatan kepada individu yang mengalami autisme.
- ii. Kekangan utama mendapatkan maklumat autisme di Malaysia ialah kurangnya

sumber maklumat dalam Bahasa Melayu. Hal ini disebabkan sumber maklumat mengenai autisme banyak berasal daripada luar negara dan dalam bahasa Inggeris. iKurnia menggunakan bahasa Melayu yang boleh difahami semua pihak.

iii. Maklumat dan pendidikan mengenai autisme yang terdapat di iKurnia berdasarkan isu yang dialami dalam kalangan ibu bapa terutamanya ibu bapa yang baharu mengenalpasti keadaan autisme pada anak mereka. Bimbingan dan panduan dalam iKurnia boleh membantu dan menyokong ibu bapa.

iv. PERMATA Kurnia mengadakan bengkel di seluruh negeri yang dikenali sebagai Siri Latihan Jelajah Negara pada 2015. Bengkel diadakan untuk meluaskan ilmu pengetahuan mengenai autisme kepada masyarakat diadakan selama setahun Siri latihan Jelajah Negara ditamatkan kerana kekangan kewangan, sumber manusia dan masa.

2. Penggunaan teknologi terkini

i. Massive Open Online Courses (MOOC) ialah suatu ledakan baharu dalam pembelajaran secara maya. iKurnia MOOC merupakan kursus atas talian yang tidak mempunyai had peserta dan diakses di laman web dikenali sebagai platform MOOC. MOOC digunakan secara meluas di luar negara untuk tujuan pendidikan. iKurnia LIVE membolehkan orang ramai yang tidak boleh menghadiri bengkel pendidikan hujung minggu di PERMATA Kurnia mengikuti secara lintas langsung di youtube dan mendapatkan nota di OpenLearning.

ii. Menerusi iKurnia, semua pihak boleh mengikuti pendidikan autisme tanpa had jumlah peserta berbanding bengkel biasa. Individu boleh mencapai maklumat dengan cepat sepanjang masa menggunakan pelbagai alat yang mempunyai capaian internet.

iii. Pembelajaran iKurnia yang menarik dan interaktif. Bahan iKurnia MOOC terdiri daripada nota digital, infografik dan pelbagai bentuk video sesuai dengan pelbagai alat teknologi yang digunakan.

3. Mempunyai nilai ciptaan yang dapat meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan

i. Komuniti autisme yang tidak menerima perkhidmatan PERMATA Kurnia turut menerima manfaat menerusi iKurnia. iKurnia didapati membantu ibu bapa, guru dan ahli terapi yang tidak boleh menghadiri latihan dan bengkel di premis PERMATA Kurnia terutamanya ibubapa yang tinggal luar Kuala Lumpur dan Selangor yang

menghadapi pelbagai halangan seperti masa, komitmen dan kewangan yang menyukarkan mereka untuk mengikuti pendidikan autisme.

ii. Mereka boleh berhubung secara terus dengan PERMATA Kurnia mengenai isu-isu yang mereka alami menerusi perbincangan dan soalan dalam iKurnia. Seterusnya mewujudkan ruang untuk komuniti autisme untuk bertukar maklumat.

4. Selaras dengan Agenda Nasional

i. Mentransformasi perkhidmatan awam untuk produktiviti (Rancangan Malaysia ke11 RMK-11)

a) Perkhidmatan PERMATA Kurnia untuk memberikan kesedaran, pendidikan autisme kepada rakyat Malaysia mencapai hasrat dalam RMK11 untuk menjadi kerajaan digital. Perkhidmatan kerajaan disediakan secara atas talian melalui iKurnia telah meningkatkan produktiviti dan kecekapan PERMATA Kurnia untuk memberikan perkhidmatan kepada seluruh rakyat Malaysia.

b) iKurnia merupakan satu inisiatif PERMATA Kurnia bagi mengurangkan jurang antara kerajaan dan masyarakat dengan memudahkan capaian masyarakat kepada perkhidmatan kerajaan iaitu latihan dalam pendidikan autisme yang merupakan keperluan ibu bapa yang mempunyai anak autisme.

ii. Meningkatkan kesejahteraan rakyat

a) Apabila rakyat menerima pendidikan dan memahami autisme dengan jelas, kualiti hidup individu yang mengalami autisme dan keluarga dapat ditingkatkan. Hal ini disebabkan rakyat dan pihak yang terlibat dalam perkhidmatan serta keluarga telah mengetahui dan memahami isu serta keperluan individu yang mengalami autisme. Oleh itu, visi Malaysia untuk menjadi sebuah negara maju dalam aspek segi sosial dengan rakyat yang erat dan bersatu padu dapat dicapai.

iii. Pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (National Blue Ocean Strategy)

a) iKurnia menggunakan pendekatan yang kreatif baharu selaras dengan idea kerajaan untuk memaksimumkan penggunaan sumber sedia ada dan memberikan hasil dalam tempoh yang pendek. iKurnia menggunakan platform MOOC yang sedia dibangunkan digunakan secara meluas iaitu OpenLearning. OpenLearning mempunyai ciri-ciri kreatif dan perhubungan iaitu media sosial. Oleh itu, OpenLearning sesuai dengan peredaran gaya teknologi dan hidup orang awam.

b) Kos membangunkan iKurnia rendah kerana menggunakan platform sedia ada. Kos

yang dibelanjakan ialah bengkel pembangunan awal iKurnia dan pembelian peralatan, ilustrasi dan video animasi.

iv. Galakkan penggunaan MOOC bagi tujuan pendidikan

- a) Rakyat Malaysia menggunakan internet 67% iaitu ketujuh tertinggi di Asia. Kadar tinggi ini merupakan peluang untuk kerajaan meningkatkan akses pembelajaran dan pendidikan secara atas talian berbanding pengajaran secara tradisional. iKurnia selaras dengan Dasar e-Pembelajaran Negara atau DePan iaitu mengurangkan kos penyampaian dan meningkatkan pembelajaran sepanjang hayat menerusi pendidikan atas talian yang berkualiti.
- b) PERMATA Kurnia mengambil contoh pelaksanaan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) yang telah menjadikan kandungan MOOC sebagai pembelajaran pendidikan atas talian sebagai komponen penting di institusi pengajian tinggi pada semua kursus. Sebanyak 60 platform MOOC telah diadakan oleh KPT untuk diakses oleh pelajar dan orang awam dalam menggalakan pendidikan secara atas talian.

v. Manfaat dan kelebihan pelaksanaan iKurnia

iKurnia membolehkan PERMATA Kurnia meningkatkan pencapaian untuk memberi perkhidmatan 24 jam secara percuma kepada masyarakat tanpa batasan masa dan lokasi dengan kelebihan berikut:

- a) Semua pihak boleh mempelajari mengenai autisme (terapi, guru, ibu bapa dan pelajar)
- b) Kursus mengenai autisme mahal dan tidak mampu dibiayai oleh semua pihak. Perkhidmatan iKurnia ialah percuma.
- c) Pendidikan atas talian autisme yang pertama dalam bahasa Melayu mengatasi kekangan memperolehi sumber mengenai autisme yang banyak berasal daripada luar negara dalam bahasa Inggeris.
- d) Maklumat yang tepat, berasaskan penyelidikan terkini diberikan kepada masyarakat dengan penerangan yang jelas dan mudah difahami.

DESKRIPSI PROJEK:

Pendidikan autisme kepada komuniti secara bersemuka yang memerlukan kemudahan tempat, masa dan pengajar berada pada ruang yang sama telah ditukar kepada pendidikan atas talian iKurnia. iKurnia terdiri daripada kursus atas talian iKurnia MOOC dan iKurnia LIVE. iKurnia MOOC terdiri iKurnia Asas Autisme dan kursus iKurnia Asas Intervensi. iKurnia LIVE pula ialah siaran langsung bengkel

PERMATA Kurnia yang diadakan pada hujung minggu. iKurnia menggunakan platform OpenLearning. iKurnia menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa penyampaian yang dapat difahami rakyat Malaysia.

2. Jadual penerangan iKurnia

Projek	Kandungan
<p><u>iKurnia Asas Autisme</u> Pelancaran: September 2016 sehingga kini Platform: OpenLearning Peserta: 1028 orang</p>	<p>1. Apa itu autisme : a. Apa itu autisme? b. Memahami ciri-ciri autisme c. Mengesan tanda awal autisme pada kanak-kanak d. Doktor & Anda : Autisme e. Apa pendapat masyarakat mengenai autisme?</p> <p>2. Prosedur pengesahan autisme : a. Kepentingan mendapatkan diagnosis untuk kanak-kanak yang disyaki mengalami autisme b. Langkah mendapatkan pengesahan doktor c. Saringan M-Chat atas talian d. Proses mendapat diagnosis (pengalaman seorang ibu)</p> <p>3. Perkhidmatan intervensi awal : a. Apakah maksud intervensi awal? b. Maksud intervensi berdasarkan bukti c. <i>Evidence Based Practice</i> by Hanna Rue</p>
<p><u>iKurnia Asas Intervensi</u> Pelancaran: Mac 2017 sehingga kini Platform: OpenLearning Peserta: 232 orang</p>	<p>1. Latihan ke tandas : a. Pengenalan latihan ke tandas b. Persediaan sebelum memulakan latihan ke tandas c. Keperluan sebelum pengajaran latihan ke tandas d. Sesi pengajaran latihan ke tandas e. Cabaran latihan ke tandas</p> <p>2. Modifikasi tingkah laku : a. Kenapa kanak-kanak autisme bertingkah laku mencabar? b. Mengenal pasti penyebab tingkah laku mencabar c. Strategi menangani tingkah laku mencabar</p>

	<p>d.Cadangan strategi menangani tingkah laku mencabar</p> <p>3. Kemahiran meminta :</p> <p>a.Pengenalan kepada kemahiran meminta b.Langkah-langkah pengajaran kemahiran meminta c.Mewujudkan peluang untuk meminta d.Prosedur bantuan dalam kemahiran meminta</p> <p>4. Pengajaran berstruktur :</p> <p>a.Pengenalan pengajaran berstruktur b.Sistem tugas kerja c.Prinsip asas pengajaran berstruktur</p>
<p><u>iKurnia LIVE</u> Pelancaran: April 2016 Platform: OpenLearning, Youtube Jumlah tontonan: 10,385 Jumlah video: 22</p>	<p>Rakaman secara langsung bengkel dan forum pendidikan di Pusat PERMATA Kurnia yang terdiri pelbagai tajuk .Terdapat nota bagi setiap bengkel pendidikan boleh dimuat turun di iKurnia LIVE.</p>

3. Penggunaan kursus atas talian (iKurnia MOOC)

- a. Individu yang berminat untuk menyertai kursus atas talian iKurnia iaitu iKurnia Asas Autisme dan iKurnia Asas Intervensi perlu mencipta akaun di Openlearning (www.openlearning.com)
- b. Setelah itu, sertai kursus iKurnia dengan menyelesaikan kandungan modul dalam kursus seperti menonton video, membaca nota, dan menjawab kuiz dan melakukan perbincangan
- c. Peserta yang telah menamatkan kursus akan diberikan e-sijil.

4. Penggunaan e-bengkel (iKurnia LIVE)

- a. PERMATA Kurnia akan mengadakan bengkel hujung minggu untuk ibu bapa, guru, ahli terapi dan komuniti di Pusat PERMATA Kurnia, Sentul.
- b. Satu pautan saluran di Youtube akan dikongsikan di media sosial *Facebook* PERMATA Kurnia agar semua dapat menonton secara langsung.

- c. Mereka yang ingin mendapatkan nota boleh mendapatkan di iKurnia LIVE di OpenLearning.

KAEDAH PEMBANGUNAN DAN PELAKSANAAN IKURNIA

1. Kursus Atas Talian (iKurnia MOOC)

- Proses perlantikan ahli jawatankuasa (kandungan & teknikal)
- Pertimbangan dan pemilihan penggunaan platform MOOC untuk kursus atas talian (iKurnia MOOC)
- Merangka dan menyiapkan kandungan kursus oleh pegawai intervensi
- Bengkel latihan penghasilan bahan digital
- Pembangunan kandungan kepada bahan digital oleh pegawai teknikal antaranya video.
- Proses muat naik bahan ke platform Openlearning.
- Fasa percubaan untuk mengenalpasti kesesuaian kandungan dan masalah teknikal yang dialami oleh pengguna.
- Promosi iKurnia di *Facebook* dan laman web PERMATA Kurnia sebelum pelancaran
- Pelancaran iKurnia kepada komuniti secara promosi melalui poster, video, media massa dan media sosial.

2. E-bengkel (iKurnia LIVE)

- Proses perlantikan ahli jawatankuasa
- Proses pembelian peralatan dan perisian untuk digunakan semasa siaran langsung
- Fasa percubaan teknikal dari segi audio dan visual.
- Link* capaian diberikan di media sosial untuk dicapai oleh masyarakat
- Mendapat maklumbalas peserta untuk penambahbaikan e-bengkel

CARTA PERBATUAN:

Jadual Carta Perbatuan iKurnia : Kurnia Asas Autisme, iKurnia Asas Intervensi, iKurnia LIVE (e-bengkel) :

1. Jadual Carta Perbatuan iKurnia Asas Autisme

Bulan	Perkara
November 2015 - Februari 2016	a. Perancangan dan persediaan bahan bertulis seperti artikel, soalan, perbincangan b. Perancangan dan pembangunan kandungan interaktif : i. video: <i>story board</i> , skrip video, lokasi rakaman dan individu dalam video ii. Poster, infografik, sway

	a. Kursus OpenLearning oleh Pusat Teknologi Maklumat UKM
Mac 2016 - Jun 2016	a. Rakaman video b. Mengedit video dan kandungan
Julai 2016	a. Memuat naik bahan-bahan di OpenLearning b. Pemurnian kandungan bahan bertulis dan video
Ogos 2016	a. Fasa percubaan iKurnia Asas Autisme di OpenLearning. b. Promosi di laman sesawang PERMATA Kurnia, media sosial, dan media massa
September 2016	Pelancaran kepada orang awam

2. Jadual Carta Perbatuan iKurnia Asas Intervensi

Bulan	Perkara
September 2016	a. Perancangan dan persediaan bahan seperti artikel, soalan, perbincangan, video, soalan dan perbincangan
Oktober 2016 - November 2016	a. Pembangunan bahan bertulis Artikel/soalan/keratan akhbar/perbincangan b. Pembangunan kandungan interaktif : i. video: <i>story board</i> , skrip video, lokasi rakaman dan individu dalam video ii. Poster, infografik, sway
Disember 2016	a. Rakaman video b. Pembentangan dan semakan bahan bertulis dan interaktif c. Membuka akaun iKurnia Asas Intervensi di OpenLearning d. Menyediakan <i>layout</i> , reka bentuk dan lain-lain
Januari 2017	a. Mengedit video dan memuat naik di OpenLearning b. Pemurniaan kandungan bahan bertulis dan memuat naik di OpenLearning.
Februari 2017	c. Fasa percubaan iKurnia Asas Intervensi di OpenLearning. d. Promosi di website, sosial media dan media massa
Mac 2017	Pelancaran kepada orang awam.

3. Jadual Carta Perbatuan iKurnia LIVE

Bulan	Perkara
Mac 2016	a. Perbincangan dan kertas kerja b. Persediaan peralatan untuk <i>live streaming</i>
April 2016	a. Melancarkan <i>live streaming</i> bengkel pertama b. Mendapatkan maklum balas pengguna untuk penambahbaikan
Seterusnya	a. Siaran langsung dilakukan pada hujung minggu yang diadakan oleh Pusat PERMATA Kurnia, Sentul (berdasarkan jadual)

OUTPUT PROJEK:

Jadual berikut menunjukkan tempoh pembangunan iKurnia, masa pelancaran, hasil dari projek serta jumlah peserta.

	iKurnia Asas Autisme	iKurnia Asas Intervensi	iKurnia LIVE
Tempoh Pembangunan	November 2015 - Ogos 2016 10 bulan	September 2016- Februari 2017 7 bulan	Mac 2016 1 bulan
Pelancaran	September 2016	Mac 2017	April 2016
Kandungan	Video: 12 Nota digital: 4	Video:12 Nota digital: 6	21 video e-bengkel
Jumlah Peserta	1028 peserta	232 peserta	10,385 tontonan

SEKSYEN 3: KESAN INOVASI

KECEKAPAN PROJEK:

Perbandingan perkhidmatan sedia ada dan pendidikan atas talian.

Perkara	Bengkel (Perkhidmatan Sedia Ada)	iKurnia (perkhidmatan atas talian)
Pendidikan Komuniti	1.Bengkel Intensif Autisme Siri Jelajah Negara 2.Bengkel Hujung Minggu	1. iKurnia LIVE 2. iKurnia Asas Autisme 3. iKurnia Asas Intervensi
Tujuan	Bengkel Intensif Autisme Siri Jelajah Negara diadakan di 11 buah negeri bagi memberikan pendidikan dan latihan kepada ibu bapa, kakitangan kementerian kesihatan, dan guru tentang autisme Bengkel hujung Minggu ialah bengkel pendidikan dan forum yang diadakan pada setiap bulan. Terbuka pada semua	iKurnia LIVE Memberi peluang kepada mereka yang tidak dapat ke PERMATA Kurnia untuk menyertai bengkel hujung minggu dengan siaran langsung di saluran Youtube PERMATA Kurnia iKurnia Asas Autisme Pendidikan atas talian dan latihan untuk memberi maklumat mengenai asas autisme kepada seluruh masyarakat tanpa batasan iKurnia Asas Intervensi Pendidikan dan latihan atas talian untuk memberi maklumat mengenai strategi intervensi kepada seluruh masyarakat tanpa batasan
Platform	Tiada	OpenLearning Youtube
Tempoh Masa	2 Tahun 4 bulan	1 Tahun
Bilangan penyertaan	5,972 peserta	iKurnia MOOC : 1260 peserta iKurnia LIVE : 10,385 tontonan
Bilangan	100 orang	17 orang

kakitangan terlibat		
Perbelanjaan Operasi	RM 142,607.20	RM 2470.00 <i>Pembelian illustrator gambar bahan</i> <i>. Latihan dari PTM UKM</i>
Masa perancangan dan pelaksanaan	Setiap 1 bengkel memerlukan persediaan 1 minggu 7 hari x 41 minggu = 287 hari	8 bulan x 30 hari = 240 hari
Kesimpulan	PERMATA Kurnia dapat membantu ibu bapa, guru, ahli terapi dan masyarakat dalam mendapatkan pendidikan dan latihan secara atas talian dengan percuma menerusi iKurnia. Mereka tidak perlu mengeluarkan kos yang tinggi seperti perjalanan dan makanan. Manakala, agensi kerajaan iaitu PERMATA Kurnia dapat menjimatkan kos untuk memberi latihan dari setiap negeri. Kurnia telah menjimatkan kos kerajaan untuk memberi perkhidmatan kepada masyarakat khususnya berkaitan dengan autisme.	

IMPAK:

1. Pendidikan atas talian pertama mengenai autisme. Oleh itu, perkhidmatan PERMATA Kurnia telah mentransformasi perkhidmatan awam. Perkhidmatan pendidikan komuniti dan latihan bersemuka disediakan secara atas talian. iKurnia telah menjimatkan kos dan meningkatkan jumlah pihak yang mendapat manfaat terutama ibu bapa, guru dan ahli terapi disamping memberi maklumat dan latihan yang jelas dan tepat berdasarkan amalan berasaskan bukti.
2. Rakyat mendapat manfaat perkhidmatan secara 24 jam dengan kos rendah untuk mempelajari ilmu mengenai pendidikan khas dan pendidikan kesihatan terutamanya mengenai autisme. iKurnia membantu ibu bapa yang mempunyai anak autisme yang tidak mendapat perkhidmatan di PERMATA Kurnia yang memerlukan maklumat untuk membantu anak mereka.
3. Dapatan kajian iKurnia menunjukkan iKurnia memberikan manfaat kepada peserta bagi tujuan peribadi dan professional. iKurnia membantu memperkasakan ibu bapa yang mempunyai anak yang mengalami autisme. peserta dalam ahli professional iaitu guru menyatakan keyakinan memberi perkhidmatan berkesan kepada murid yang mengalami autisme.

4. iKurnia mengurangkan jurang antara kerajaan (PERMATA Kurnia) dan masyarakat. iKurnia memudahkan capaian masyarakat kepada kemudahan dibawah kerajaan. Masyarakat boleh memahami dan mengenali organisasi PERMATA Kurnia dengan lebih baik menerusi perkhidmatan pendidikan atas talian iKurnia.

5. iKurnia mencapai hasrat PERMATA Kurnia untuk meningkatkan kesedaran, pengetahuan mengenai strategi intervensi dan sokongan mengenai autisme kepada rakyat Malaysia terutama ibu bapa dan komuniti autisme yang terlibat.

6. Organisasi seperti Kementerian Kesihatan boleh menggunakan kandungan iKurnia untuk tujuan latihan dan pendidikan mengenai autisme. Seterusnya iKurnia menjadi rujukan kepada organisasi awam yang berhasrat memberi pendidikan komuniti dalam pelbagai bidang menggunakan pendidikan secara atas talian.

7. iKurnia mengalakkan perkongsian kepakaran dan pengalaman ahli untuk pendidikan atas talian autisme yang berkualiti. iKurnia meningkatkan kerjasama transdisiplinari ahli kandungan dan ahli teknikal untuk membangunkan iKurnia. Ahli kumpulan kandungan iKurnia terdiri daripada guru pendidikan khas, guru pendidikan awal kanak-kanak, ahli terapi cara kerja dan ahli terapi pertuturan manakala ahli teknikal merupakan kakitangan yang berpengalaman dalam teknologi maklumat.

8. iKurnia menjimatkan kos perbelanjaan PERMATA Kurnia untuk mengadakan pendidikan autisme secara bersemuka. Kos pengurusan mudah kerana PERMATA Kurnia menggunakan platform OpenLearning yang percuma yang ditadbir oleh OpenLearning.

9. Kandungan iKurnia MOOC dan iKurnia LIVE boleh digunakan bagi tujuan latihan dalaman oleh kakitangan kepada bu bapa yang baharu mendapat perkhidmatan iKurnia. Pegawai intervensi boleh menggunakan kandungan dalam iKurnia semasa sesi intervensi dan latihan kepada keluarga.

NILAI INOVASI:

1. Sumber kewangan (kos)

iKurnia telah menjimatkan kos perbelanjaan Pusat PERMATA Kurnia dalam menyebarkan maklumat dan latihan tentang autisme kepada masyarakat di seluruh Malaysia sebanyak RM 140,137.20.

2. Sumber manusia

Latihan Siri Jelajah Negara yang dijalankan oleh PERMATA Kurnia memerlukan 8 orang tenaga kerja bagi setiap siri. Jumlah keseluruhan sumber manusia bagi latihan

di 11 negeri memerlukan seramai 88 orang tenaga kerja. Melalui iKurnia, tenaga kerja yang diperlukan hanya 14 orang untuk fasa pembangunan dan 3 orang untuk fasa teknikal dan ianya boleh dipantau secara atas talian sahaja. iKurnia mengurangkan sumber manusia seramai 71 orang tenaga kerja dalam menyampaikan maklumat dan latihan mengenai autisme kepada masyarakat. Sekaligus, menjimatkan masa dan dan kos perbelanjaan seperti sewa tempat, makanan dan utiliti.

3. Penghargaan

i. iKurnia Asas Autisme :

a) Prosiding Kajian Pendidikan Komuniti Mengenai Autisme Menggunakan MOOC bagi International Conference on Special Education in Southeast Asia Regional, Fakulti Pendidikan, Universiti Negeri Malang, Januari 2017.

b) Pingat Emas, Pertandingan K-Novasi P&P, Universiti Kebangsaan Malaysia 2017

ii. iKurnia Asas Intervensi :

a) Pingat Emas, Minggu Penyelidikan & Inovasi 2017, Universiti Malaysia Terengganu, Universiti Sultan Zainal Abidin dan Pusat Sains dan Kreativiti Kuala Terengganu

iii. iKurnia LIVE :

a. Pingat Perak, Pertandingan K-Novasi P&P, Universiti Kebangsaan Malaysia 2017

4. Jalinan Kolaborasi strategik

PERMATA Kurnia telah bekerjasama dengan Pusat Teknologi Maklumat Universiti Kebangsaan Malaysia, UKM ketika fasa pembangunan dan latihan untuk membangunkan iKurnia Asas Autisme. Kerjasama ini telah melatih pegawai di PERMATA Kurnia untuk merancang pemilihan platform MOOC, penghasilan *story board* dan latihan menghasilkan bahan digital seperti video, video animasi dan infografik menggunakan perisian Adobe seperti Primer dan Adobe After Effects. iKurnia Asas Intervensi berjaya dihasilkan sepenuhnya oleh PERMATA Kurnia. Pada masa akan datang, PERMATA Kurnia berhasrat akan bekerjasama dengan organisasi kerajaan yang terlibat dalam perkhidmatan autisme supaya dapat memberi pendidikan atas talian yang boleh meningkatkan perkhidmatan dan manfaat dalam pendidikan khas dan kesihatan autisme khususnya.

5. Kelestarian Inovasi

a) OpenLearning telah mempunyai 200,000 peserta di Malaysia dan mempunyai permintaan yang tinggi kerana platformnya yang stabil dan mudah digunakan. Penyedia OpenLearning sentiasa menaik taraf platform ini supaya kekal stabil dengan perkembangan teknologi. OpenLearning turut mempunyai aplikasi yang boleh dimuat turun pengguna yang menyukai gajet mudah alih seperti iPad dan telefon pintar.

b) Platform OpenLearning merupakan platform MOOC yang percuma dan sesuai digunakan di Malaysia yang mana rakyatnya menyukai media sosial. Ciri-ciri Openlearning yang berkonsepkan media sosial seperti boleh memberi komen, like, share menarik minat peserta untuk mempelajari pada masa yang sama saling berkomunikasi.

b) Kandungan iKurnia dikenalpasti merupakan amalan dan perkhidmatan berasaskan bukti yang telah disahkan menerusi penerbitan kajian lepas supaya pendidikan atas talian berkesan dan selamat. Bahan-bahan kandungan seperti nota, infografik dalam iKurnia juga boleh digunakan oleh semua pihak secara percuma.

6. Nilai tambah bagi tujuan pengkomersialan

a) Pengiktirafan sijil

i) Pada masa kini, peserta yang selesai mengikuti iKurnia Asas Autisme dan iKurnia Asas Intervensi diberikan sijil secara percuma sebagai penghargaan dan galakan kepada orang awam untuk mempelajari mengenai autisme.

ii) PERMATA Kurnia merancang bagi iKurnia MOOC akan datang, sijil pengiktirafan berbayar pada pengguna diberikan kepada iKurnia MOOC yang berfokus sasaran peserta seperti guru dan ahli terapi dengan tajuk yang lebih mendalam bersesuaian dengan perkhidmatan profesional.

b) Latihan professional Sijil Kemahiran Malaysia (SKM3)

i) PERMATA Kurnia telah diiktiraf sebagai pusat bertauliah untuk Children with Autism Centre Operation oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran. Oleh itu, iKurnia akan digunakan sebagai latihan professional kepada pembantu guru di pusat-pusat autisme yang bakal mendapat latihan oleh PERMATA Kurnia. iKurnia MOOC yang bersesuaian dengan kursus dalam SKM3 dirancang bagi tujuan pengajaran, latihan dan penilaian.